



**NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA
IKMa/BIL.17/2024**

(1)

**PEROLEHAN KERJA-KERJA MENGECAT DINDING
BAHAGIAN LUAR BANGUNAN BLOK A, B, C, D DAN E,
DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JLN TEMPLER,
PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.17/2024



INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
AGENCI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP)

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat atau kontraktor bumiputera yang berdaftar Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi menyertai sebut harga.

NOMBOR SEBUT HARGA	PERKARA	KOD BIDANG	TARIKH BUKA/TUTUP	LAWATAN TAPAK
IKMa/BIL.17/2024	PEROLEHAN KERJA-KERJA MENGECAT DINDING BAHAGIAN LUAR BANGUNAN BLOK A, B, C, D DAN E, DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JLN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN	BERDAFTAR DENGAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) Kelas G1 Kategori : B Pengkhususan : B04 BUMIPUTERA	BUKA SEBUT HARGA: 5 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS) TUTUP SEBUT HARGA: 17 SEPTEMBER 2024 (SELASA)	TARIKH: 6 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT) MASA: 9.30 PAGI BERTEMPAT: LOBI B,IKMa KEHADIRAN ADALAH WAJIB

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.17/2024

Borang sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang www.ikma.edu.my mulai **5 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS)** dengan mengemukakan.

DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA BORANG SEBUT HARGA.

1. Sijil Asal Pendaftaran Kod Bidang berkenaan dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) masih tempoh sah laku.
2. Salinan Sijil Pendaftaran/Lesen Akuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih dalam tempoh sah.
3. Mohon Nyatakan Salinan No.Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) untuk rujukan pihak kami. **Jumlah yang ditawarkan adalah termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) jika ada. (Jika Pembida yang berjaya tetapi TIDAK menyatakan nilai Cukai dan Perkhidmatan (SST) pada tawaran sebutharga, Pihak IKMa akan mengekalkan harga seperti yang dinyatakan pada Surat Setuju Terima (SST) atau tawaran asal sebutharga yang dikeluarkan. Segala tuntutan berkaitan cukai kerajaan selepas Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga).**
4. Satu salinan Profail Syarikat berserta pengalaman syarikat perolehan tersebut dan SSM.
5. Pembekal yang menyertai sebut harga ini hendaklah mengisi surat akuan pembida seperti (**Lampiran F**) dan perlu diserahkan bersama borang sebut harga.
6. Salinan penyata bank bagi 3 bulan yang terakhir yang **dicop sebagai pengesahan** oleh pihak bank sahaja.

TARIKH TUTUP TAWARAN ADALAH PADA 17 SEPTEMBER 2024 (SELASA) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI

DOKUMEN SEBUT HARGA YANG LENGKAP PERLU DIMASUKKAN KE DALAM PETI SEBUT HARGA, KAUNTER KEWANGAN BLOK A, TINGKAT 1, INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, 103 JALAN TEMPLER, 46700 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN. SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI PUAN ENCIK MUHD NURSHARUL AZRI MUBARAK DI TALIAN 03-79640101.

(2)

LAMPIRAN Q

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga IKMa/BIL.17/2024

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat):
.....
.....

No. Telefon:

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini (diisi oleh syarikat):

BERDAFTAR DENGAN PKK,SPKK,CIDB

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)
.....
.....

No. telefon: **03-79649000**

Tarikh: **5 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan.....

1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki (diisi oleh syarikat)
.....

1.3 Arahan pengiraman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN**

1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/BIL.17/2024**

1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12 tengah hari **17 hb 9/2024 (SELASA)**

1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan:

SHAMSURI BIN SALLEH
Pegawai Kewangan Dan Pembangunan
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
103, Jalan Templer, 49700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03-7964 9176 Fax: 03-7957 0434

Tarikh: **5 SEPTEMBER 2024**

(KHAMIS)

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/Keperapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
IKMa/BIL. 17/2024	<p>PEROLEHAN KERJA-KERJA MENGECAT DINDING BAHAGIAN LUAR BANGUNAN BLOK A, B, C, D DAN E, DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JLN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN</p> <p>Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan (sila nyatakan tempoh)</p> <p>*Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.</p>				
				JUMLAH	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah
(Sila nyatakan tempoh)

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
 Penyebut Harga:
 Nama dan K/P:
 Alamat Syarikat:

Tarikh:.....

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut normal perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

(3)

**SURAT AKUAN PEMBIDA
-LAMPIRAN F-**

SURAT AKUAN PEMBIDA

PEROLEHAN KERJA-KERJA MENGECAT DINDING BAHAGIAN LUAR BANGUNAN BLOK A, B, C, D DAN E, DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JLN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

SEBUT HARGA: IKMa/BIL.17/2024

Saya,.....(Nama Wakil Syarikat) No. Kad
Pengenalan.....mewakili.....
(NamaSyarikat)nomborpendaftaran.....
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana orang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Institut Koperasi Malaysia (IKMa) (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa-

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini;atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

3.3

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya falam bahawa syarikat melakukann kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat**memberikan,menjnjikan atau menawarkan suapa untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No.KP :
Tarikh :
Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif “kesalahan ditetapkan”) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

(4)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN
SEBUT HARGA**

(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)

**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

SILA TANDAKAN BAGI / DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Dari Kementerian Kewangan (MOF) /Perbendaharaan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan/Perbendaharaan Malaysia (Perkhidmatan)		
3.	Salinan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)		
4.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)		
5.	CIDB Kelas G1 Kategori : B Pengkhususan : B04		
3.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
4.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
5.	Salinan Profail Syarikat		
6.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		

7.	Lain-Lain Sekiranya Ada		
----	-------------------------	--	--

<p style="text-align: center;">PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	<p style="text-align: center;">UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>
--	--

(5)

**SPESIFIKASI DAN
SYARAT-SYARAT**



DOKUMEN SEBUT HARGA

**KERJA-KERJA MENGECAT DINDING
BAHAGIAN LUAR BANGUNAN BLOK A, B, C, D
DAN E, DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JLN
TEMPLER, PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

**DISEDIAKAN OLEH:
UNIT PENYENGGARAAN DAN KEJURUTERAAN
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA,
103, JALAN TEMPLER,
40670 PETALING JAYA,
SELANGOR D.E.**

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA

Kerja-kerja di dalam sebutharga ini ialah untuk **Kerja-Kerja Mengecat Dinding Bahagian Luar Bangunan Blok A, B, C, D Dan E Di Institut Koperasi Malaysia, Jln Templer, Petaling Jaya** milik Institut Koperasi Malaysia (IKMA).

1. Tawaran terbuka kepada Kontraktor yang berdaftar kepada,
 - i. Kontraktor Bumiputera
 - Berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**
 - ii. **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**
 - iii. Berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**
 - a) **Kelas G1**
 - b) **Kategori : B**
 - c) **Pengkhususan : B04**
2. Sebutharga ini termasuk kerja-kerja penyediaan peralatan, tenaga kerja mahir dan mencukupi serta perkara-perkara yang berkaitan.
3. IKMa tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga tanpa perlu memberi sebab penolakan. Keputusan IKMa adalah muktamad.
4. Kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas segala kerugian, kerosakan atau kecacatan yang disebabkan oleh kelalaian pihak kontraktor itu sendiri.
5. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.
6. Kontraktor dikehendaki mengadakan satu lawatan tapak ke tempat berkenaan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas.
7. Sebutharga yang telah siap diisi/disempurnakan hendaklah dihantar ke alamat yang diberikan pada atau sebelum tarikh yang telah dinyatakan.
8. Kontraktor yang berjaya dikehendaki **menghubungi pihak IKMa terlebih dahulu** sebelum menjalankan kerja-kerja tersebut.
9. Pihak Kontraktor hendaklah menyertakan bersama salinan Sijil KKM, **Penyata Bank** dan profail syarikat yang lengkap.

Jumlah (Ringgit Malaysia) :

Nama Dan Cop
Kontraktor :

.....

.....

.....

Denda Kelewatan : RM50.00 / hari

Tempoh Kerja
berkenaan) : hari / minggu (**potong yang tidak**

Tarikh Lawatan Tapak : **06 / 09 / 2024 (JUMAAT)**

Tarikh Tutup Sebutharga : **17 / 09 / 2024 (SELASA)**

Masa : Pada atau **sebelum 12.00 tengahari**

Tempat : Peti sebutharga,
Kaunter Blok A,
Institut Koperasi Malaysia,
103, Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Sebutharga dikeluarkan oleh,
Unit Penyenggaraan Dan Kejuruteraan
Institut Koperasi Malaysia

PERKARA : KERJA-KERJA MENGECAT DINDING BAHAGIAN LUAR BANGUNAN BLOK A, B, C, D DAN E, DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JALAN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

[SPESIFIKASI KERJA]

BIL	SPESIFIKASI KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
1.0	<u>KERJA-KERJA AWALAN</u>			
1.1	Menyediakan kos / peruntukan untuk mematuhi Syarat-syarat Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, pengangkutan & jentera/logi (mobilisation & demobilisation), insurans, peralatan/mesin, papan tanda, laporan berserta gambar, perlindungan dan kerja membaiki kerosakan / menyelenggara barangan, kelengkapan dan lain-lain perkhidmatan sediaada di tapak bina termasuk elektrik & mekanikal, kebersihan di tapak bina, menyediakan tong & tapak untuk pelupusan sampah dan lain-lain peruntukan/kos yang perlu untuk melaksana dan menyiapkan kerja-kerja yang tersenarai sehingga siap sempurna, semuanya sepertimana diarah dan diluluskan oleh Pegawai Penguasa:-	pukal	-	RM
2.0	<u>KERJA-KERJA PEMBERSIHAN</u>			
2.1	Mencuci permukaan dinding, siling serta laluan pejalan kaki bahagian luar bangunan menggunakan <i>high pressure pump</i> dengan tekanan minima 100bar sehingga bersih daripada segala jenis kotoran, lumut dan cat sedia ada termasuk kerja menampal <i>polyfiller</i> yang dibenarkan pada permukaan yang cacat/rosak. Pada permukaan yang terdapat kulat/fungus hendaklah dikikis, diberus dan dicuci dengan <i>fungicidal wash</i> dan proses tersebut mestilah diulang jika masih terdapat kulat/fungus dan dibiarkan kering sebelum permukaan tersebut disapu cat, semuanya mengikut syor dan spesifikasi oleh Pengeluar dan diluluskan oleh Pegawai Penguasa seperti berikut:-	9,500 mps	RM	RM
A. JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

BIL	SPESIFIKASI KERJA	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
2.2	Menyediakan permukaan berasaskan kayu dan besi seperti mengikis, menggosok / <i>sanding</i> mencuci sehingga bersih dari habuk dan kotoran serta menampal <i>polyfiller</i> dimana perlu pada permukaan pintu, jenang, tingkap, <i>grill</i> dan tiang-tiang besi, sisip angin, gutter dan <i>rain water downpipe</i> seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa	Pukal	RM	RM
3.0	<u>KERJA-KERJA MENGECAT</u>			
3.1	<p>Kerja-kerja membekal dan mengecat pada permukaan luar bangunan berasaskan <i>masonry</i>, permukaan siling dan di laluan pejalan kaki dengan 1 lapisan cat <i>Alkali Resisting Sealer</i> dan 2 lapisan cat <i>weathershield</i> yang diluluskan dengan mengikut kaedah yang disyorkan oleh pengeluar dan seperti mana yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa.</p> <p>Dan termasuk;</p> <p>Sediakan permukaan dan sapu 2 lapisan cat berasaskan minyak pada permukaan kayu dan logam seperti tingkap, pintu, jenang, jeriji, penutup bumbung, tangga dan lain-lain yang berkaitan.</p> <p>Jaminan produk hendaklah selama 5 Tahun.</p>	9,500 mps	RM	RM
3.2	Membekal dan mengecat 1 lapisan cat asas dan 2 lapisan cat Gloss Finish pada gutter, rain water down pipe, tiang-tiang besi pada laluan pejalan kaki dan tempat letak kereta pengurusan IKMa sehingga sempurna dan mengikut spesifikasi dan kaedah yang disyorkan oleh Pengeluar dan seperti mana yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa. Harga hendaklah termasuk kerja-kerja membaiki mana-mana bahagian yang telah rosak.	pukal	RM	RM
B. JUMLAH TERKUMPUL (MUKA SURAT INI SAHAJA)				RM

PERKARA : KERJA-KERJA MENGECAT DINDING BAHAGIAN LUAR BANGUNAN BLOK A, B, C, D DAN E, DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JALAN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.


[RINGKASAN HARGA]

BIL	PERKARA	HARGA
1	A - JUMLAH TERKUMPUL	RM
2	B - JUMLAH TERKUMPUL	RM
	JUMLAH HARGA	RM
	CAJ PERKHIDMATAN SST 6% (JIKA ADA)	RM
	JUMLAH KESELURUHAN HARGA TAWARAN	RM

(6)

PELAN LOKASI

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA



LOKASI BANGUNAN YANG PERLU DI CAT